

20 OCT 2001

Najib-Kimia

JANGAN BIMBANG TENTANG LAPORAN PENEMUAN ANTRAKS, KATA NAJIB

SUNGAI PETANI, 20 Okt (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata orang ramai tidak perlu bimbang dengan laporan penemuan surat yang dipercayai mengandungi kuman antraks kerana ia berupa "false alarm".

Beliau berkata negara ini belum sampai ke tahap menjadi sasaran mana-mana pihak termasuk penganas untuk melancarkan serangan dengan menggunakan senjata kimia.

"Laporan penemuan surat itu hanya false alarm. Orang ramai jangan panik, teruskan aktiviti harian seperti biasa tanpa mempunyai rasa takut kemungkinan berlaku serangan senjata kimia.

"Negara kita tidak sampai peringkat menjadi tempat serangan penganas dengan menggunakan senjata kimia," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan laporan keanggotaan baru Umno Kedah di sini.

Najib berkata dari segi keupayaan menghadapi serangan senjata kimia, negara ini memang mempunyai keupayaan yang terhad, bagaimanapun kerajaan mengawasi dengan rapi perkembangan semasa berkaitan dengan antraks itu.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata keupayaan perisikan negara perlu dipertingkatkan dalam menghadapi peperangan era moden seperti ancaman penganas antarabangsa.

Beliau berkata tindakan membanteras penganas juga memerlukan kerjasama pelbagai pihak di serata negara.

"Di Amerika Syarikat, Pentagon (Jabatan Pertahanan) memerlukan kerjasama FBI (Biro Siasatan Persekutuan), CIA (Agensi Perisik Pusat) dan bantuan negara-negara lain dalam menggembelng tenaga menghadapi serangan penganas," katanya.

Beliau berkata, bagi negara ini, kerajaan tidak akan berkompromi dengan unsur-unsur yang boleh menjejaskan keselamatan negara, sebab itu kerajaan telah menahan anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

"Jika kerajaan tidak bertindak awal, kumpulan seperti itu boleh menjejaskan keselamatan negara dan mengakibatkan ramai orang terkorban," katanya.

Mengenai Belanjawan 2002 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan semalam, Najib berkata Kementerian Pertahanan berpuas hati dengan peruntukan yang diberi terutama peruntukan RM370 juta bagi projek perumahan anggota tentera.

Pada majlis itu, Najib yang juga naib presiden Umno menerima laporan mengenai penambahan anggota baru berjumlah 21,743 orang termasuk anggota Puteri Umno berjumlah 8,411 orang.

Katanya kempen menambah anggota itu dilaksanakan selepas perhimpunan Agung Umno yang lepas dan di negeri ini ia diketuai Ketua Umno Bahagian Merbok Datuk Azmi Abdul Hamid.

"Keupayaan menarik jumlah yang besar itu merupakan satu kejayaan dan membuktikan bahawa sambutan orang ramai terhadap Umno tetap kukuh," katanya.

-- BERNAMA

MZM FAZ